

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN**  
**[BUKIT BINTANG]**

**TARIKH JAWAPAN : -**

**SOALAN**

**TUAN FONG KUI LUN** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan kekerapan pegawai TNB melakukan pemeriksaan pendawaian elektrik di bangunan komersil dan kediaman yang lama dibina bagi mengelakkan kejadian kebakaran bangunan akibat pendawaian lama tidak berganti.

## **JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pemeriksaan pendawaian elektrik di dalam bangunan komersial dan kediaman bukan merupakan tanggungjawab Tenaga Nasional Berhad sebagai pemegang lesen.
2. Skop penyelenggaraan TNB dalam rangkaian pembahagian merangkumi semua pemasangan elektrik sehingga ke meter pengguna. Semua pendawaian selepas meter pengguna dan pendawaian di dalam bangunan adalah di bawah tanggungjawab pengguna.
3. Dalam hal ini, pengguna dinasihatkan untuk melantik kontraktor pendawaian elektrik yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga untuk melakukan pemeriksaan pendawaian elektrik bagi memastikan pendawaian bangunan premis dalam keadaan baik dan selamat.

Sekian, terima kasih

.....